



**KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA**  
 (MINISTRY OF DEFENCE MALAYSIA)  
 WISMA PERTAHANAN  
 JALAN PADANG TEMBAK  
 50634 KUALA LUMPUR  
 MALAYSIA

Telefon : 603-8000 8000  
 Portal Rasmi : www.mod.gov.my  
 E-mel : portal@mod.gov.my

Tel: 03-2071 2780/2781/6969 Faks: 03-26970402

KP(BDPS)/819/101 JLD. 23 (63)

02 Jun 2017

**Seperti Dalam Senarai Edaran:**

YBhg. Dato'/Tuan/Puan,

**PELAWAAN MENYERTAI PERTANDINGAN HORIZON BAHARU - KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) PERINGKAT KEMENTERIAN PERTAHANAN TAHUN 2017**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sepertimana pihak YBhg. Dato'/Tuan/Puan sedia maklum, Pekeliling Transformasi Pertadbiran Awam Bil 1 Tahun 2016 – Panduan Pembudayaan dan Pemerkasaan Inovasi Dalam Sektor Awam Melalui Horizon Baharu KIK (PTPA 1/2016) telahpun dikeluarkan oleh pihak MAMPU. Sehubungan dengan ini, satu pertandingan bagi Horizon Baharu - Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat Kementerian Pertahanan Tahun 2017 akan diadakan pada ketetapan seperti berikut:

Tarikh : **12 dan 13 Sept 2017.**

Tempat : **Auditorium MinDef dan Bilik Taklimat Tingkat 5, Wisma Pertahanan.**

3. Tujuan pertandingan ini adalah bagi menyemarakkan lagi budaya inovasi dan kreativiti dalam perkhidmatan serta sebagai pengukuran penghasilan projek disamping memberi pengiktifaran kepada warga Kementerian yang terlibat dalam projek inovasi yang dipertandingkan. Dimohon jua pihak YBhg. Dato'/Tuan/Puan, menyediakan perincian projek beserta pembuktian berdasarkan kretaria. Anugerah yang akan dipertandingkan adalah seperti berikut:

- 3.1 Inovasi Sosial Kategori Penciptaan;
- 3.2 Inovasi Sosial Kategori Penambahbaikan;
- 3.3 Inovasi Penyampaian Perkhidmatan Kategori Penciptaan; dan
- 3.4 Inovasi Penyampaian Perkhidmatan Kategori Penambahbaikan.

**PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA**



ISO 9001 : 2008 Certified



4. Untuk makluman YBhg. Dato'/Tuan/Puan, pertandingan ini juga adalah platform bagi penyertaan ke pertandingan di Peringkat Wilayah dan juga Persada Inovasi Sektor Awam (MPIPA) yang dijangka akan diadakan pada tahun 2018 akan datang. Sehubungan dengan itu, semua borang permohonan dan laporan penyertaan yang lengkap hendaklah dikemukakan **selewat-lewatnya pada 18 Julai 2017 (Selasa)** ke alamat seperti berikut:

Urus Setia - Pertandingan Kumpulan Inovatif Dan Kreatif  
Unit Inovasi  
Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik  
Tingkat 10 (Pintu 10.05), Wisma Pertahanan  
Jalan Padang Tembak  
50634 KUALA LUMPUR

5. Sehubungan dengan itu, bersama-sama ini dimajukan Garis Panduan Pertandingan Kumpulan Inovatif Dan Kreatif Tahun 2017 untuk perhatian dan tindakan pihak YBhg. Dato'/Tuan/Puan selanjutnya. Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut berhubung dengan perkara ini bolehlah menghubungi pegawai-pegawai berikut:

5.1 **Puan Roziah binti Abdul Razak**  
No. Tel : 03-20716969  
E-mel : [rozhah.abdulrazak@mod.gov.my](mailto:rozhah.abdulrazak@mod.gov.my)


5.2 **Puan Kamariah bt Sulong**  
No. Tel : 03-20712781  
E-mel : [kamariah@mod.gov.my](mailto:kamariah@mod.gov.my)

6. Kerjasama dan keprihatinan pihak YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan berhubung dengan perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**'PERTAHANAN NEGARA, TANGGUNGJAWAB BERSAMA'**

Saya yang menurut perintah,

  
**(WAN HASHIM BIN WAN RAHIM)**  
Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik  
bp. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pertahanan



## **Senarai Edaran:**

### **Tentera:**

Inspektor Jeneral  
Bahagian Inspektorat Jeneral  
Markas Angkatan Tentera Malaysia

Inspektor Jeneral  
Bahagian Inspektorat Jeneral  
Markas Tentera Darat



Pengarah  
Bahagian Pengurusan Strategik  
Markas Tentera Laut

Inspektor Jeneral  
Bahagian Inspektorat Jeneral  
Markas Tentera Udara

### **Awam:**

Ketua Pengarah - Institut Penyelidikan Sains dan Teknologi Pertahanan (STRIDE)

Ketua Pengarah - Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN)

Ketua Pengarah - Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT)

Ketua Pengarah - Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV)

Ketua Eksekutif - Institut Pertahanan dan Keselamatan Malaysia (MiDAS)

Setiausaha Bahagian - Bahagian Pembangunan

Setiausaha Bahagian - Bahagian Kewangan

Setiausaha Bahagian - Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

Ketua Hakim Peguam - Jabatan Hakim Peguam

Penasihat Undang-Undang - Bahagian Undang – Undang

Ketua Akauntan - Bahagian Akaun

Setiausaha Bahagian - Bahagian Pengurusan Maklumat

Setiausaha Bahagian - Bahagian Perolehan

Setiausaha Bahagian - Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik  
(up: Unit Pengurusan)

Setiausaha Bahagian -Bahagian Audit Dalam dan Siasatan Am

Setiausaha Bahagian - Bahagian Industri Pertahanan

Setiausaha Bahagian - Bahagian Pentadbiran

Ketua Unit - Unit Komunikasi dan Strategik

Ketua Unit - Unit Integriti

Pengarah - Depot Simpanan Pertahanan

Pengarah - Penguasa Katalog ATM (MAFCA)

Pengarah - MinDef Sabah

Pengarah - MinDef Sarawak

**Salinan Kepada :**

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan)

Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar)

# GARIS PANDUAN PENYERTAAN/PENCALONAN PERTANDINGAN HORIZON BAHARU - KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) KEMENTERIAN PERTAHANAN TAHUN 2017

## KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1.	Pengenalan	2
2.	Tujuan	3
3.	Bentuk Anugerah	3
4.	Pengiktirafan dan Hadiah	4
5.	Syarat-syarat Penyertaan	4
6.	Penilaian Projek/Dokumen	6
7.	Pemeriksaan Projek KIK	6
8.	Persembahan Projek KIK	7
9.	Tatacara Pemilihan	7-9
10.	Lampiran A – Borang Penyertaan	
11.	Lampiran B – Skema Pemarkahan Laporan	
12.	Lampiran C – Skema Pemarkahan Persembahan	
13.	Lampiran D – Pengesahan penghantaran Projek inovasi KIK	



## 1. PENGENALAN

Seiring dengan perubahan teknologi dan corak pembangunan negara yang semakin pesat, agensi kerajaan perlu sentiasa mengorak langkah untuk menggerakkan pendekatan baharu dan berbeza dalam melaksanakan sesuatu dasar dan perkhidmatan. Kerajaan telah memutuskan untuk menambahbaik pengurusan KIK agar pelaksanaannya memenuhi konsep Cepat, Tepat, Integriti – Produktiviti, Kreativiti dan Inovasi (CTI-PCI) serta menyokong Strategi Lautan Biru Kebangsaan atau National Blue Ocean Strategy (NBOS), prinsip Inovasi Nilai (Value Innovation) dan konsep Merakyatkan Perkhidmatan Awam (MPA). Tumpuan perlu diberikan kepada penciptaan nilai, penambahan nilai, pengurangan kos, perkhidmatan yang memenuh aspirasi Kementerian.

1.2 Garis panduan ini bertujuan untuk mengariskan tatacara penyertaan/pencalonan ke Pertandingan Horizon Baharu - Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Kementerian Pertahanan Tahun 2017. Pertandingan ini adalah merupakan penambahbaikan dan penjenamaan semula KIK melalui pekeliling Transformasi Pentadbiran Awam bil 1 tahun 2016 (PTPA Bil 1/2016) – Panduan Pembudayaan Dan Pemerksaan Inovasi Dalam Sektor Awam melalui Horizon Baharu Kumpulan Inovatif Dan Krearif (KIK).

1.3 Pertandingan KIK Kementerian Pertahanan dilaksanakan sebagai salah satu usaha untuk menggalakkan penyertaan warga kementerian dalam memperkenalkan inovasi dan membuat penambahbaikan terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh Kementerian Pertahanan kepada pelanggan. Pertandingan ini adalah merupakan sebahagian daripada aktiviti utama di bawah Program Kualiti dan Inovasi tahunan Kementerian Pertahanan. Pemilihan pemenang dan Majlis Penyampaian Anugerah ini dilakukan secara tahunan di dalam Majlis Sambutan Hari Inovasi Kementerian Pertahanan.

## 2. TUJUAN

Pertandingan Horizon Baharu - Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) adalah bertujuan untuk:

- 2.1 Melahirkan warga Kementerian Pertahanan yang berfikiran kreatif dan inovatif dalam menghasilkan inovasi;
- 2.2 Memperkenalkan sistem dan cara kerja baharu serta menjana kecemerlangan organisasi melalui pendekatan kreativiti, inovasi dan penciptaan nilai (*value creation*);
- 2.3 Memupuk kerjasama dalam kalangan warga organisasi dan mengeratkan perhubungan antara pekerja dengan pihak pengurusan;
- 2.4 Membolehkan organisasi menghasilkan satu (1) sistem penyampaian perkhidmatan yang berkualiti, berkesan dan menepati kehendak pelanggan;
- 2.5 Sebagai dorongan kerja yang tinggi. dan
- 2.6 Sebagai punca ganjaran dan pengiktirafan.

## 3. BENTUK ANUGERAH

Bentuk anugerah boleh diberikan dalam bentuk monetari/atau bukan monetari yang dapat menggalakkan warga kementerian berinovasi, Anugerah pertandingan KIK terbahagi kepada (4) kategori Inovasi seperti berikut;

- a) Inovasi Sosial kategori Penciptaan;
- b) Inovasi Sosial kategori Penambahbaikan;
- c) Inovasi Penyampaian Perkhidmatan kategori Penciptaan; dan



d) Inovasi Penyampaian Perkhidmatan kategori Penambahbaikan. Pemenang-pemenang Pertandingan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) akan menerima hadiah-hadiah seperti berikut:

KEDUDUKAN	BENTUK ANUGERAH/HADIAH
Tempat Pertama	- Piala Pusingan - Hadiah Wang Tunai berjumlah RM5,000.00 - Sijil Penghargaan
Tempat Kedua	- Hadiah Wang Tunai berjumlah RM3,000.00 - Sijil Penghargaan
Tempat Ketiga	- Hadiah Wang Tunai berjumlah RM2,000.00 - Sijil Penghargaan

Pemenang juga akan diberi Penarafan Bintang seperti berikut:

- a) > 80% - 5 bintang (Emas)
- b) 70-79% - 4 bintang (Perak)
- c) 60 – 69% - 3 Bintang (Gangsa)

Projek-projek yang telah dilaksanakan dan dilindungi akan dipertimbangkan oleh Pengerusi JK Inovasi melalui Mesyuarat JK Pemandu Inovasi untuk dipertandingkan dipelbagai peringkat seperti MPC, AISA, AIPM dan seumpamanya.

#### 4. SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

4.1 Syarat-syarat penyertaan Pertandingan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Kementerian Pertahanan adalah seperti berikut:

- a) Penyertaan adalah dibuka kepada semua kumpulan KIK daripada Markas/Jabatan/Bahagian di Kementerian Pertahanan.
- b) Hanya projek berusia 3 tahun dibenar dicalonkan untuk menyertai pertandingan KIK 2017. Definisi **tiga (3) tahun** dikira



dari tarikh pelaksanaan projek (ujicuba 1) sehingga **18 Julai 2017 (Selasa)**.

- c) Projek kumpulan mestilah telah selesai dilaksanakan dan diseragamkan sebelum pertandingan pada tahun semasa.
- d) Projek KIK yang dikemukakan hendaklah merupakan projek yang belum pernah memenangi pertandingan atau dipertandingkan dalam mana-mana pertandingan KIK peringkat Negeri/Kebangsaan (sektor awam dan tentera) pada tahun-tahun sebelumnya. Semua penyertaan dalam KIK Kementerian Pertahanan perlu mengikut Garis Panduan PTPA Bil 1/2016 yang telah dikeluarkan oleh pihak MAMPU
- e) Setiap Jabatan/Bahagian dipohon untuk mencalonkan sebanyak **dua (2) kumpulan** bagi setiap kategori yang dipertandingkan. Manakala bagi setiap markas (setiap IJ/BPS) pula penyertaan hendaklah tidak melebihi **lapan (8) kumpulan** setiap kategori. Penetapan kategori ini adalah berdasarkan kriteria projek.
- f) Pencalonan menyertai pertandingan hendaklah dikemukakan melalui Ketua Jabatan/Bahagian masing-masing dengan menggunakan borang penyertaan di **Lampiran A**.

## 4.2 Pembentukan Pasukan

### a) KIK Primer

Sekurang-kurangnya 2 hingga 10 orang ahli termasuk ketua kumpulan - keahlian pasukan KIK dari satu bahagian/agensi yang bekerjasama untuk melaksanakan projek.



### b) KIK Hibrid

Terdiri daripada 2 orang atau lebih agensi yang bersilang fungsi yang bekerjasama untuk melaksanakan projek. Bilangan ahli tertakluk kepada skala, kos, kategori projek dan dipersetujui oleh pihak yang melaksanakan projek KIK Hibrid. Keahlian Pasukan KIK Hibrid adalah dari gabungan kementerian/jabatan/bahagian-bahagian.

## 5 PENILAIAN PROJEK/DOKUMEN

Ringkasan penilaian dan pemarkahan projek adalah seperti berikut:

### 5.1 Pemeriksaan Projek/Dokumen KIK

Panel Penilai yang dilantik akan menilai setiap projek KIK berdasarkan kriteria penilaian dan skema pemarkahan seperti **Lampiran B** mengikut kategori inovasi bagi tujuan berikut:

- i. Pemeriksaan terhadap validitasi/kesahihan data dan sumber data projek (Panel boleh membuat pemeriksaan fizikal projek/lawatan tapak boleh diatur jika perlu; dan
- ii. Pemeriksaan terhadap penyeragaman projek dan penilaian kumpulan.

5.2 Kriteria penilaian pelaksanaan projek KIK dalam pertandingan KIK Kementerian Pertahanan tahun 2017 adalah seperti di **Lampiran A**. Panel penilai terdiri daripada penilai agensi luar (sektor awam yang di iktiraf oleh pihak MAMPU/INTAN). Keputusan panel bagi setiap peringkat penilaian pertandingan adalah **muktamad**.

### 5.3 Penilaian Persembahan Projek KIK

Semua kumpulan dikehendaki bersiap sedia **lima (5) minit** lebih awal dari masa yang telah ditetapkan dalam Jadual Persembahan KIK berdasarkan kriteria penilaian dan skema pemarkahan seperti **Lampiran C**.

- a) Persembahan montaj (sekiranya ada) adalah dihadkan **tidak melebihi satu (1) minit**;
- b) Tempoh masa persembahan projek untuk setiap kumpulan adalah selama **Lapan (8) minit**. Masa persembahan akan bermula selepas perkataan pertama disebutkan oleh kumpulan;
- c) Loceng/buzzer permulaan akan dibunyikan setelah tamat **lima (5) minit** masa persediaan sekiranya tiada permulaan oleh kumpulan. Loceng kedua/peringatan akan dibunyikan sekali pada minit yang **ke enam (6)** dan dua kali pada minit **ke lapan (8)** Markah tidak akan diberi kepada sebarang persembahan tambahan selepas minit ke **lapan (8)**; dan
- d) Penilaian akan dijalankan oleh ahli-ahli Panel Penilai. Hanya para pengadil boleh mengemukakan soalan-soalan selepas setiap persembahan. Keputusan Panel Penilai adalah muktamad.

## 6. TATACARA PEMILIHAN

6.1 Pihak urus setia pada bila-bila masa berhak untuk membuat sebarang pindaan terhadap mana-mana bahagian pada syarat-syarat penyertaan ini tanpa perlu merujuk kepada peserta.

- a) Setiap permohonan penyertaan pasukan KIK yang mewakili Markas/Bahagian/Unit perlu mengemukakan Borang Penyertaan



Pertandingan KIK Kementerian Pertahanan Tahun 2017 seperti di **Lampiran A**; dan

b) Setiap pasukan KIK yang mewakili Bahagian perlu mengemukakan laporan pelaksanaan projek KIK masing-masing sebanyak 4 salinan dalam bentuk *hard copy* dan *soft copy* kepada Urus Setia Pertandingan KIK Kementerian Pertahanan bersama-sama dengan Borang Pengesahan Penghantaran Projek KIK Bagi Pertandingan KIK Kementerian Pertahanan Tahun 2017 seperti di **Lampiran D**.

6.2 Jadual pelaksanaan pertandingan KIK ini adalah seperti berikut:

- a) Tarikh tutup permohonan  
**18 Julai 2017 (Selasa)**
- b) Penyerahan laporan permohonan kepada panel  
**\*24 Julai 2017 (Selasa)**
- c) Tarikh Pertandingan KIK  
**12 dan 13 September 2017 (Selasa dan Rabu)**
- d) Pengumuman Pemenang Pertandingan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK).

**Sambutan Hari Inovasi Kementerian Pertahanan 24 Oktober 2017 (Selasa). Bergantung kepada persetujuan YB. Menhan.**

6.3 Kumpulan yang menyertai pertandingan dikehendaki menyediakan dokumen-dokumen seperti berikut:

- a) Borang Permohonan

Borang permohonan hendaklah diisi oleh kumpulan berkenaan.

b) Laporan Permohonan

Permohonan di atas hendaklah disertakan dengan **empat (4) salinan laporan** dalam bentuk *hard copy* dan dua **2 x soft copy**. Perincian projek beserta pembuktian berdasarkan kriteria seperti yang berikut:

- Penglibatan pihak pengurusan (4);
- Signifikan Projek dan Pembuktian (10);
- Tindakan penyelesaian (23);
- Keberhasilan projek (outcome) atau/dan Pembuktian (35);
- Impak Projek dan Pembuktian (18); dan
- Potensi pengembangan projek (10).

6.4 Sebarang pertanyaan atau permasalahan mengenai perkara ini boleh berhubung dengan Puan Roziah binti Abdul Razak atau Puan Kamariah binti Sulong di talian 03-20716969/2781. Borang penyertaan dan laporan hendaklah dimajukan kepada:

Urus Setia

Pertandingan Kumpulan Inovatif Dan Kreatif

Unit Inovasi, Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik

Tingkat 10 (Pintu 10.05), Wisma Pertahanan

Jalan Padang Tembak

50634 KUALA LUMPUR

**(U.P: Puan Roziah binti Abdul Razak)**

E-mel: [Roziah.abdulrazak@mod.gov.my](mailto:Roziah.abdulrazak@mod.gov.my)

**PERTANDINGAN HORIZON BAHARU KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK)  
KEMENTERIAN PERTAHANAN TAHUN 2017**

No :

(Untuk Kegunaan Pejabat)



**BORANG PENYERTAAN PERTANDINGAN HORIZON BAHARU KUMPULAN INOVATIF  
DAN KREATIF (KIK) PERINGKAT KEBANGSAAN (4%)**

<b>LATAR BELAKANG KUMPULAN</b>	
Nama Kumpulan	
Nama Organisasi	
Alamat	
No telefon & faks	
E-mel	
Tarikh Kumpulan ditubuhkan	
Bilangan ahli	
Nama Projek	
Bidang Inovasi	
Kategori Inovasi	
Tarikh siap projek	
<b>PENGESAHAN KETUA JABATAN</b>	
<p><b>Pengesahan Ketua Jabatan/Agensi :</b></p> <p>i) Saya mengesahkan bahawa segala maklumat yang dikemukakan adalah benar dan projek ini telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pemandu Inovasi pada .....</p>	

**PERTANDINGAN HORIZON BAHARU KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK)  
KEMENTERIAN PERTAHANAN TAHUN 2017**

ii) Projek ini telah dipertandingkan diperingkat jabatan pada .....

Tandatangan Ketua Jabatan/Agensi

Cop Jabatan/Agensi

.....

.....

Tarikh : .....

**PENGESAHAN PANEL PENILAI (JIKA BERKAITAN)**

**Pengesahan Panel:**

Saya mengesahkan bahawa projek ini telah melalui proses penilaian pada .....  
dan memenuhi kriteria yang ditetapkan.

**Tandatangan Panel Penilai**

.....

**Nama :**

**No. Kad Pengenalan :**

**Jawatan/Gred :**

**Jabatan/Agensi :**

**No. Siri :**

**Tarikh :**

**RINGKASAN EKSEKUTIF (300-500 patah perkataan/maksimum 2 muka surat)**

Ringkasan Eksekutif perlu ditulis dengan ringkas (bahasa yang mudah difahami) dan padat berdasarkan penulisan penuh dokumentasi projek, pernyataan masalah atau subjek serta nyatakan solusi atau pencapaian dengan penjelasan keberhasilan (outcome) serta impak projek. Penggunaan grafik, butiran point berserta maklumat yang ringkas dan tajuk kecil bagi menyusun tema ringkasan boleh digunakan bagi memudahkan kefahaman.

**LAMPIRAN PERINCIAN PROJEK (3000-5000 patah perkataan/10 hingga 15 muka surat)**

**1. Signifikan Pemilihan Projek (10%)**

Nyatakan justifikasi pemilihan projek dengan ringkas dan padat dengan merujuk kepada perkaitan dengan fungsi agensi, keperluan pemegang taruh dan bagaimana ianya memenuhi agenda nasional. Matlamat keberhasilan projek seperti yang dinyatakan dalam Bab 2 PTPA 1/2016 diambilkira iaitu:

- (a) Kreatif dan Inovatif;
- (b) Impak positif yang tinggi dan menyeluruh;
- (c) Pulangan Nilai Terbaik;
- (d) Replikasi; dan
- (e) Pengkomersialan.

Potensi pengembangan projek juga sesuai dinyatakan bagi menunjukkan kemampuan (sustainability) projek.

Penggunaan grafik, butiran point berserta maklumat yang ringkas dan tajuk kecil boleh digunakan bagi memudahkan kefahaman.



## **2. Tindakan Penyelesaian dan Pembuktian (23%)**

Nyatakan dengan ringkas dan padat strategi dan kaedah yang digunakan dalam menghasilkan projek yang kreatif dan inovatif dan tempoh penghasilan projek. Sasaran outcome dan impak perlu dinyatakan bagi maklumat indicator-indikator pencapaian yang diwujudkan bagi menjalankan penilaian seperti berikut:

### **2.1 Penerangan mengenai strategi dan proses penyelesaian**

- Strategi Pelaksanaan termasuk aplikasi penggunaan tools
- Pernyataan output dan sasaran outcome
- Penghasilan dan pelaksanaan projek yang unik dan berimpak tinggi
- Tempoh penghasilan projek

### **2.2 Perakuan daripada pihak bertauliah/berkuasa**

### **2.3 Pembuktian melalui perolehan data**

Pembuktian ditunjukkan dalam bentuk ringkasan rajah/ diagram/ gambar/ lampiran.

## **3. Keberhasilan Projek – Outcome dan Impak (35%)**

Nyatakan hasil penilaian yang telah dibuat berdasarkan indicator-indikator pencapaian bagi outcome dan impak. Pencapaiannya diterangkan berdasarkan hasil kajian melalui analisa perolehan data.

Nyatakan juga faedah sampingan yang diperolehi hasil daripada pelaksanaan projek. Pembuktian ditunjukkan dalam bentuk ringkasan rajah/ diagram/ gambar/ lampiran.

**4. Keberhasilan Projek - Impak Projek dan Pembuktian (18%)**

- 4.1 Pencapaian Outcome  
-Strategi Pelaksanaan
- 4.2 Faedah sampingan
- 4.3 Pembuktian melalui data dan sumber rasmi

**5. Potensi Pengembangan Projek (10%)**

Nyatakan tahap kesiapsiagaan (readiness) hasil projek yang telah dilaksanakandan usaha yang telah dilaksanakan bagi menyokong pengembangan projek.

Pembuktian ditunjukkan dalam bentuk ringkasan rajah/ diagram/gambar/ lampiran.

**6. Penutup**

**7. Lampiran**

**PERTANDINGAN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK)  
KEMENTERIAN PERTAHANAN TAHUN 2017**

**SKEMA PEMARKAHAN**

**KRITERIA PENILAIAN PERSEMBAHAN (20%)**

KATEGORI : \_\_\_\_\_  
 NAMA KUMPULAN : \_\_\_\_\_  
 TAJUK : \_\_\_\_\_

Skema Pemarkahan:  
 0-2 (Lemah)  
 3-5 (Sederhana)  
 6-8 (Baik)  
 9-10 (Cemerlang)

ITEM	KRITERIA PENILAIAN	WAJARAN	MARKAH (MAKSIMUM: 10)	MARKAH BERWAJARAN (a x b)
		(a)	(b)	
<b>1</b>	<b>Pengenalan Projek</b>			
	a) Pengenalan.	5		
	b) Latar belakang projek.	5		
<b>2</b>	<b>Pemilihan Projek</b>			
	a) Kaedah analisis jelas dan mudah difahami.	5		
	b) Kesenambungan idea antara idea.	5		
	c) Persembahan data yang tersusun dan menarik.	5		
<b>3</b>	<b>Cadangan Penyelesaian</b>			
	a) Cadangan yang jelas dan difahami.	5		
	b) Pemilihan cadangan yang logik dan difahami.	5		
	c) Pelaksanaan ( <i>try run</i> ) yang logik dan difahami.	5		
<b>4</b>	<b>Outcome &amp; Impak</b>			
	a) <i>Outcome</i> diukur dan dijelaskan dengan baik.	10		
	b) Impak diukur dan dijelaskan dengan baik.	10		
<b>5</b>	<b>Kreativiti Penyampaian</b>			
	a) Kreativiti Penyampaian	40		
	<b>JUMLAH</b>	<b>100</b>		



**BORANG PENGESAHAN PENGHANTARAN PROJEK INOVASI HORIZON  
BAHARU KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK)  
KEMENTERIAN PERTAHANAN TAHUN 2017**

Urus Setia KIK  
Unit Inovasi  
Bahagian Dasar & Perancangan Startegik (Tingkat 10.05)  
(Penyelaras KIK Kementerian)

**PENGESAHAN PENGHANTARAN LAPORAN PROJEK INOVASI KIK**

Dikemukakan bersama ini ..... salinan hardcopy dan ..... soft copy Laporan  
Projek Inovasi KIK bertajuk :

.....  
.....

Kategori Inovasi: .....

Kepada Urus Setia KIK MinDef.

<b>PENGESAHAN PENGHANTARAN</b>	<b>KEGUNAAN URUS SETIA</b>
Tandatangan Penyelaras:  ..... Nama Pegawai : .....  Jawatan : .....  Taikh: .....	Tarikh Terima : .....  Tandatangan Penerima : .....  Nama Pegawai : .....  Jawatan : .....

Lengkap

Tidak Lengkap

Catatan: .....

\*Tandakan ✓ tempat yang berkenaan